


Suara

MITASA



PEMANGKIN KEJAYAAN BERSAMA



OMBUDSMAN
DAN UNIVERSITI


MESYUARAT AGUNG
TRI TAHUNAN MITASA
2025-2028

MAJLIS SAMBUTAN HARI
DAN BULAN AKADEMIKA
UITM 2025

PEMBENTANGAN LIMA KERTAS KERJA
KESETERAAN PENYELIAAN MELIBATKAN
KENAIKAN PANGKAT

WACANA TOKOH: BAHASA DAN JATI DIRI
BANGSA DI KONVENSYEN 152 PERINGKAT
KEBANGSAAN 2025

- Pada 28 Ogos 2025, MITASA telah mengadakan kunjungan hormat ke Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja (JHEKS) Selangor. Ahli Majlis Kerja MITASA diketuai Presiden MITASA, Encik Saharudin Lin dan Naib Presiden, Encik Mohd Amirul Akhbar Mohd Zulkifli. Exco lain yang menyertai ialah Bendahari, Ts Nor Azlin Rosli dan Encik Mohd Shahrudin Mohmud. Pertemuan tersebut telah disantuni oleh En Mohd Efree Budiman Abd Rahman, Penolong Pengarah JHEKS Selangor.



Kunjungan hormat ke Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja (JHEKS) Selangor

- Dalam pertemuan yang dilakukan, MITASA telah diberi pencerahan berkaitan arahan Ketua Setiausaha Negara di Bawah Seksyen 27(3)(aa)(i) Akta Kesatuan Sekerja 1959 (Akta 262) Bilangan 1 Tahun 2023 berkaitan keahlian Skim Perkhidmatan Pensyarah Universiti sebagai ahli MITASA.
- Pencerahan tersebut amat penting bagi memudahkan MITASA memperjelaskan kepada ahli berkaitan arahan yang dikeluarkan. MITASA mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak JHEKS Selangor kerana sentiasa membantu memudahkan urusan MITASA dalam menyampaikan maklumat-maklumat yang berguna melibatkan kesatuan dan sebagainya. Hubungan ini amat penting untuk kelestarian MITASA dalam menjaga ahli-ahli MITASA yang kini sudah mencapai angka 3,000 orang.

PERFECTION IS NOT ATTAINABLE.

**BUT IF WE CHASE PERFECTION,
WE CAN CHASE**

EXCELLENCE.